



3 April 2013
3 April 2013
P.U. (A) 127

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECCUALIAN) (NO. 7) 2013

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 7) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 7) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 7) 2013**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“amanah perniagaan” dan “pengurus pemegang amanah” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671].

Pengecualian

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2) dan (3), semua surat cara yang disempurnakan oleh pengurus pemegang amanah bagi pihak suatu amanah perniagaan berhubungan dengan pindah milik mana-mana perniagaan, aset atau harta tanah kepada suatu amanah perniagaan, yang mana duti setem secara kebiasaannya patut dibayar oleh pengurus pemegang amanah bertindak bagi pihak amanah perniagaan itu adalah dikecualikan daripada duti setem yang boleh dikenakan di bawah Akta.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi pengurus pemegang amanah bagi pihak suatu amanah perniagaan yang—

(a) telah didaftarkan atau diiktiraf oleh Suruhanjaya Sekuriti menurut Penggal 3B Bahagian VI Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan